

Soalan No:61

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : UST. DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS]

TARIKH : 3.4.2018 (SELASA)

SOALAN :

Ust. Dato' Dr. Mohd Khairuddin Bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kajian keberkesanan pelaksanaan DLP terhadap kecemerlangan murid atau pelajar dalam mata pelajaran berkaitan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pemantauan pencapaian Murid Kohort 1 DLP tahun 2016 (Tahun 2, Tahun 5 dan Tingkatan 2) telah dilaksanakan dalam dua fasa. Fasa 1 melibatkan perbandingan di antara pencapaian murid dalam peperiksaan mata pelajaran Bahasa Inggeris akhir tahun 2016 (*Take-off Value*) dengan pencapaian murid dalam peperiksaan mata pelajaran Bahasa Inggeris pertengahan tahun 2017 (*Operational Targeted Results: OTR*). Hasil daripada tindakan ini didapati seramai 36.3 peratus murid sekolah rendah menunjukkan peningkatan di dalam keputusan Bahasa Inggeris manakala untuk sekolah menengah pula peningkatan sebanyak 46.4 peratus.

15
Fasa 2 melibatkan perbandingan di antara pencapaian murid dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris pertengahan tahun (OTR) dengan peperiksaan akhir tahun (*Expected Targeted Result*: ETR) bagi mengesan pencapaian murid dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris untuk tahun semasa. Hasilnya didapati 55.8 peratus murid sekolah rendah dan 57.2 peratus murid sekolah menengah telah menunjukkan peningkatan di dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris.

RJM93